

326 pemanah sertai kejohanan Liga Memanah Tradisional peringkat Sabah

Oleh Hamzah Sanudin

UB 25.01.2023 P.06

KOTA KINABALU: Seramai 326 orang menyertai kejohanan Liga Memanah Tradisional peringkat negeri Sabah di Lapangan Memanah Likas, di sini bermula 21 hingga 22 Januari lepas.

Kejohanan tersebut disertai sebanyak 41 kelab memanah tradisional dari seluruh Sabah termasuk peserta persendirian.

Pengerusi penganjur, Md Suhaimi Sapiee berkata pertandingan tersebut adalah proses pemilihan yang akan mewakili negeri secara rasmi pada kejohanan peringkat kebangsaan Mei depan.

Katanya, seramai 20 peserta lelaki dan 15 wanita yang akan dipilih menjadi wakil rasmi negeri ke kejohanan peringkat kebangsaan akan datang.

“Pertandingan ini diadakan mengikut format Liga Memanah Tradisional Kebangsaan (LMTK) iaitu kategori panahan jarak berperingkat dari jarak jauh dan dekat (descending shooting).

“Kategori lelaki akan melalui cabaran jarak 60, 50, 40 dan 30 meter, manakala wanita pula 50, 40, 30 dan 20 meter,” katanya.

Beliau yang juga Presiden Kelab Memanah Tradisional Kesatria Kota Kinabalu (KE-



TERPILIH: Nurul Azieza Bhalqeist Ahmad antara peserta wanita yang terpilih selepas johan dalam pertandingan itu.

SATRIA) berkata demikian ketika hadir pada kejohanan tersebut.

Kejohanan itu dirasmikan oleh Pengarah Pusat Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Jakaria Dasan.

Selain itu, katanya, tempoh masa panahan juga berubah mengikut jarak iaitu

140, 120, 100 dan 80 saat sebanyak empat pusingan. Manakala jumlah anak panah yang digunakan sebanyak 12 batang.

Suhaimi berkata, format yang dipertandingkan kali ini agak mencabar bagi menguji ketepatan, kepantasan serta ketahanan mental dan fizikal setiap pemanah.